

Headline	35,000 mangsa di pusat pemindahan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	10
ArticleSize	184 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,337		



35,000 mangsa di pusat pemindahan

Kuantan: Keadaan banjir yang melanda tiga negeri di Pantai Timur Semenanjung dan Johor bertambah buruk menyebabkan hampir 35,000 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan dengan lebih separuh daripadanya di Pahang.

Berikutan jumlah mangsa kini hampir 20,000 di Pahang, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob mengarahkan kem tentera dan Pasukan Gerakan AM (PGA) dijadikan pusat pemindahan.

Sehingga jam 8 malam tadi di Pahang menjadi negeri paling teruk terjejas apabila mangsa banjir meningkat mendadak daripada hampir 10,000 orang kelmarin, kepada hampir 20,000 semalam yang ditempatkan di 98 pusat pemindahan seluruh

negeri. Jika hujan lebat berterusan, jumlah mangsa dijangka bertambah.

Difahamkan, jumlah hujan di negeri itu sejak Ahad lalu hingga semalam, ialah 400 milimeter (mm) menyamai dengan taburan hujan untuk 15 hari.

Banjir yang melanda negara itu sejak Ahad lalu, menyebabkan bandar Kuantan hampir lumpuh apabila bekalan elektrik, air dan telefon terputus yang menjejaskan lebih 60,000 penduduk, kelmarin. Sehingga semalam, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah berjaya memulihkan 90 peratus bekalan membolehkan rumah pam air kembali berfungsi.

Bagaimanapun, 5,272 pengguna di Terengganu dijangka menghadapi gangguan elektrik apabila TNB

terpaksa menghentikan operasi 141 pencawangnya di Kemaman, termasuk Pencawang Masuk Utama di Geliga bagi tujuan keselamatan bermula jam 8.10 pagi semalam.

Di Johor, 8,705 mangsa dipindahkan ke 63 pusat

pemindahan dengan daerah Mersing paling ramai iaitu 5,711 mangsa. Jumlah mangsa banjir di negeri itu kelmarin, hanya 5,600 orang. Pontian dan Ledang menjadi daerah terbaru dilanda banjir itu menyebabkan 310 orang terpaksa dipindahkan.

Di Kelantan, iaitu negeri terbaru dilanda banjir mulai semalam, 639 mangsa dipindahkan ke lapan pusat pemindahan dengan daerah Kuala Krai paling ramai iaitu 538 orang.